



Kod Etika

Universiti Malaya



**KOD ETIKA
UNIVERSITI MALAYA**

KOD ETIKA UNIVERSITI MALAYA

© Universiti Malaya, 2010

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenar mengeluar ulang dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa-apa juga cara baik secara elektronik, mekanik, rakaman atau lain-lain, mana-mana bahagian kandungan dalam buku ini sebelum mendapat izin bertulis daripada Universiti Malaya.

KOD ETIKA UNIVERSITI MALAYA

KANDUNGAN

Mukasurat

Penghargaan	iv
Kata-Kata Aluan Naib Canselor	v

Bab 1 Pengenalan	1
1.1. Kegiatan Akademik dan Profesional	1
1.2. Kegiatan Pengurusan dan Pentadbiran	3
1.3. Untuk Siapakah Kod Etika Ini?	4
Bab 2 Makna Kod Etika	6
2.1. Definisi Am	6
2.2. Kod Etika	6
2.3. Kod Etika Universiti Malaya	6
2.4. Sistem Nilai	7
2.5. Kesopanan Asas	9
2.6. Integriti	9
2.7. Kerahsiaan	9
Bab 3 Kod Etika Akademik dan Profesional	11
3.1. Pengajaran	11
3.2. Penyelidikan	15
3.3. Penerbitan	16
3.4. Persidangan	17
3.5. Perundingan	17
3.6. Biasiswa dan Cuti Belajar	18
Bab 4 Kod Etika Pengurusan dan Pentadbiran	19
4.1. Pengurusan Tertinggi	19
4.2. Pengurusan dan Pentadbiran	19
4.3. Hubungan Antara Pangkat	20
4.4. Menjaga Tempat Kerja dan Tempat Kegiatan Universiti	21
4.5. Menjaga Harta Universiti	22
Bab 5 Tanggungjawab Kakitangan dan Pelajar Dalam Mematuhi Kod Etika Universiti Malaya	23

KOD ETIKA UNIVERSITI MALAYA

PENGHARGAAN

Universiti Malaya merakamkan ucapan terima kasih kepada
Ahli Jawatankuasa Buku Kod Etika Universiti Malaya
yang terdiri daripada:

Profesor Emeritus Dato' Dr. Asmah Haji Omar (Pengerusi)
Profesor Emeritus Dato' Dr. Lam Sai Kit
Profesor Dato' Dr. Patrick Tan Seow Koon
Profesor Datin Dr. Azizan Baharudin
Profesor Dr. Faisal Hj Ali
Profesor Dr. Kurunathan Ratnavelu
Profesor Madya Dr. Mohd Fauzi Hamat
Profesor Madya Dr. Norani Mohd Salleh
Profesor Madya Rosli Mahat
Profesor Madya Talat Mahmood Abdul Rashid
Profesor Madya Dr. Azmi Sharom
Dr. Yap Seong Ling
Encik Ikmal Azam Thanaraj Abdullah

Penasihat Undang-Undang

Puan Nor Aishah Samah
Unit Perundangan

Urusetia

Bahagian Pentadbiran & Kewangan
Jabatan Pendaftar

Deraf akhir buku Kod Etika Universiti Malaya ini telah diluluskan oleh
Pengurusan Universiti Malaya pada 9 April 2010.

KOD ETIKA UNIVERSITI MALAYA

KATA-KATA ALUAN NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYA

Assalamualaikum Warahmattullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Syukur ke hadrat Allah kerana dengan limpah kurniaNya Kod Etika Universiti Malaya ini dapat dihasilkan selepas penerbitan Kod Etika Akademik Universiti Malaya pada tahun 1997. Kandungan Kod Etika Universiti Malaya jelas mempunyai perbezaan dengan Kod Etika Akademik Universiti Malaya 1997. Tumpuan penerbitan terdahulu itu adalah pada kegiatan yang berkaitan dengan kakitangan akademik sahaja, manakala Kod Etika yang baru ini pula bersifat lebih menyeluruh sebagai panduan kepada setiap warga Universiti, meliputi staf akademik sahaja, kakitangan pengurusan, pentadbiran dan sokongan, dan pelajar mengenai etika yang perlu diamalkan dan perilaku yang perlu dielakkan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Bagi menyampaikan maksud Kod Etika Universiti Malaya dengan lebih berkesan, kandungan buku ini telah dibahagikan kepada 3 aspek, iaitu Kod Etika Am, Kod Etika Akademik dan Profesional, dan Kod Etika Pengurusan dan Pentadbiran. Kod Etika ini telah diolah dalam bahasa yang mudah difahami agar setiap warga Universiti Malaya dapat memahami dan menghayati perilaku baik yang perlu diamalkan dalam menjalani kehidupan dan kerjaya sebagai guru, penyelidik, pentadbir, pelajar dan penyebar ilmu pengetahuan di Universiti Malaya. Pendekatan kod etika ini merentasi semua peringkat kerana sebagai warga Universiti Malaya tingkah laku setiap daripada kita menentukan budaya kerja dan pencapaian bidang keberhasilan utama Universiti Malaya. Pencapaian terbaik dalam bentuk penghasilan produk dan perkhidmatan perlu dicimbangkan dengan nilai-nilai murni dan budaya kerja yang beretika.


Kod Etika Universiti Malaya ini perlu diamalkan dalam setiap pekerjaan kita, dan apabila berlaku sesuatu perlanggaran etika khususnya yang menyentuh tatakelakuan dan tatatertib kakitangan atau pelajar Universiti Malaya, maka sudah tentu peruntukan-peruntukan seperti mana yang termaktub dalam Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605], Akta Universiti dan Kolej Universiti, dan lain-lain undang-

KOD ETIKA UNIVERSITI MALAYA

undang yang terpakai oleh Universiti akan digunakan untuk menjatuhkan hukuman ke atas kakitangan dan pelajar yang didapati melanggar etika berkenaan.

Bagi pembaca yang mengharapkan penjelasan yang terperinci berhubung dengan etika dalam profesi masing-masing, Jawatankuasa bersepakat bahawa ianya perlu disediakan oleh pakar dalam bidang masing-masing agar bersesuaian dengan budaya kerja dan perlakuan yang perlu diamalkan dalam setiap profesi. Sekiranya kod etika untuk setiap profesi diperincikan dalam buku ini, ianya akan menjadi bahan bacaan yang berat, kurang memberi impak dan tidak dapat dihayati sepenuhnya oleh semua staf dan juga pelajar.

Akhir kata, tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan saya rakamkan untuk seluruh tenaga kerja Jawatankuasa Kod Etika Universiti Malaya yang telah berusaha menerbitkan Kod Etika Universiti Malaya.



GHAUTH JASMÖN
Naib Canselor

KOD ETIKA UNIVERSITI MALAYA

1

PENGENALAN

Universiti merupakan komuniti yang mempunyai ciri-ciri tersendiri dari segi:

- (1) Tugas dan tanggungjawab.
- (2) Kegiatan-kegiatan yang dijalankan di dalamnya.
- (3) Orang-orang yang terlibat dalam menjalankan kegiatan kegiatan itu.

Kegiatan-kegiatan boleh dibahagikan kepada dua jenis, bersifat:

- (1) Akademik dan profesional.
- (2) Pengurusan dan pentadbiran yang di dalamnya termasuk khidmat sokongan.

1.1 KEGIATAN AKADEMIK dan PROFESIONAL

Kegiatan akademik dan profesional merupakan kegiatan utama bagi universiti, meliputi:

- (1) Pengajaran.
- (2) Penyelidikan.
- (3) Penerbitan.
- (4) Persidangan.
- (5) Perundingan.
- (6) Khidmat Masyarakat.

1.1.1 Pengajaran

Pengajaran mempunyai skop yang luas, meliputi:

- (a) Syarahan.
- (b) Tutorial.
- (c) Seminar.
- (d) Sesi makmal.
- (e) Sesi klinik dan wad hospital.

KOD ETIKA UNIVERSITI MALAYA

- (f) Sesi di tapak binaan, tapak semaian dsbnya.
- (g) Tunjuk ajar di studio.
- (h) Kerja di lapangan, misalnya dalam komuniti tertentu.
- (i) Perbincangan dua hala antara pensyarah dan pelajar, misalnya dalam penyeliaan tesis.
- (j) Latihan amali di lokasi, misalnya latihan mengajar, latihan industri dsbnya.

1.1.2 Penyelidikan

- (a) Penyelidikan merupakan aktiviti yang dituntut dari ahli akademik (tutor, pensyarah, profesor madya, profesor) sebagai tunjangan dan pelengkap dalam menjalankan tugas mereka sebagai guru supaya pengajaran yang disampaikan kepada pelajar sentiasa kemas kini dari segi teori, kaedah dan fakta.
- (b) Penyelidikan juga merupakan aktiviti penerokaan ilmu pengetahuan baru yang hasilnya boleh dikongsikan bersama para ahli akademik untuk kemajuan negara dan kesejahteraan masyarakat.

1.1.3 Penerbitan

Penerbitan merupakan lanjutan dari penyelidikan. Sesuatu hasil penyelidikan, terutama sekali yang menggunakan dana Universiti dan atau dana awam atau juga dana yang disumbang oleh badan-badan tertentu melalui Universiti hendaklah diusahakan penerbitannya dalam jurnal yang berwibawa dari segi mutu akademiknya, dalam bentuk buku, atau dalam bentuk atau genre yang lain (seperti novel, puisi, monograf, akhbar, majalah) yang boleh menjadi rujukan kepada pelajar dan rakan-rakan kesepakaran. Penerbitan yang seperti ini akan menaikkan nama pengarangnya sebagai ahli akademik yang terkemuka dalam bidangnya, serta juga akan mempertingkatkan taraf universiti sebagai institusi akademik yang dihormati di mata dunia.

KOD ETIKA UNIVERSITI MALAYA

1.1.4 Persidangan

Persidangan (termasuk seminar, forum, kolokium, ceramah, bengkel) merupakan situasi dalam mana seseorang ahli akademik dapat mengemukakan idea-ideanya, baik yang bersifat teoretis dan gunaan mahupun yang bersifat kemasyarakatan. Situasi ini dapat dijadikan ukuran bagi menentukan kemahiran ahli akademik berinteraksi dengan masyarakat, baik yang kesepakaran dengannya mahupun yang di luar bidang kesepakarannya.

1.1.5 Perundingan

Perundingan mempunyai skop yang luas, meliputi perundingan yang sebenarnya (*consultancy*), serta aktiviti-aktiviti seperti mengadakan kursus atau bengkel bagi pihak luar untuk tujuan memberi nasihat dan berkongsi pengalaman. Ahli-ahli akademik digalakkan menjalankan perundingan dalam bidang profesional dan pengkhususan masing-masing bagi pihak yang memerlukan kepakaran mereka. Ini bukan sahaja mewujudkan jaringan profesional dengan pihak luar tetapi juga membawa pendapatan bagi Universiti dan bagi mereka yang menjalankan sesuatu projek perundingan itu.

1.2 KEGIATAN PENGURUSAN dan PENTADBIRAN

Pengurusan dan pentadbiran merupakan bidang kegiatan Universiti yang menentukan dan melaksanakan dasar-dasar bagi memastikan perjalanan urusan yang lancar lagi teratur dari segi akademik, kewangan, keselamatan serta keselesaan semua staf dan pelajar.

1.2.1 Khidmat Sokongan

- (a) Khidmat sokongan bermakna segala usaha yang dijalankan bagi memastikan keadaan keselamatan dan kesejahteraan kepada semua kategori kakitangan dan pelajar ketika berada di kampus, supaya mereka dapat menjalankan kerja-kerja

KOD ETIKA UNIVERSITI MALAYA

mereka dalam keadaan yang baik, dan dengan itu tidak menghadapi:

- (i) Bahaya dari sesama manusia, contohnya pengganas, perogol, perompak, dan sebagainya.
 - (ii) Bahaya fizikal dan alamiah seperti kebakaran, keruntuhan tembok, tanah runtuh, dan sebagainya.
 - (iii) Keadaan yang mengancam keselamatan dan kesihatan ketika menjalankan tugas.
- (b) Memberi khidmat sokongan dalam kegiatan akademik dan profesional dengan efisien.
 - (c) Menyediakan prosedur kerja yang rapi dan jelas supaya kerja yang dihasilkan berkualiti, dan perkhidmatan yang diberi itu memuaskan semua pihak.

1.2.2 Tanggungjawab Pihak Pengurusan dan Pentadbiran

- (a) Menyedia dan menyelenggarakan ruang kerja yang selesa dan selamat untuk menjalankan tugas.
- (b) Menyedia dan menyelenggarakan kemudahan asas, bahan dan peralatan yang diperlukan dalam pengajaran, penyelidikan dan tugas-tugas lain.
- (c) Memperlakukan dan melayani semua staf dengan adil dan penuh sopan.
- (d) Memastikan semua kegiatan Universiti (pentadbiran, pengajaran, penyelidikan) termasuk kegiatan pelajar selari dengan hasrat visi dan misi Universiti.

1.3 UNTUK SIAPAKAH KOD ETIKA INI?

Kod Etika ini ditujukan kepada semua mereka yang berdaftar sebagai staf dan pelajar Universiti Malaya, yang digolongkan seperti berikut:

- (1) Pihak Pengurusan Tertinggi Universiti (Naib Canselor, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Bendahari, Ketua Pustakawan).
- (2) Dekan, Pengarah, Ketua Jabatan dan timbalan-timbalannya.

KOD ETIKA UNIVERSITI MALAYA

- (3) Kakitangan akademik sama ada tetap atau kontrak (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah, Tutor, Felo Penyelidik).
- (4) Kakitangan Pentadbiran (Kumpulan Pengurusan dan Profesional (bukan akademik) dan kakitangan sokongan, sama ada tetap atau kontrak.
- (5) Pelajar (ijazah dasar, pasca-ijazah, diploma, sijil, rancangan asasi, pemerhati).

Di dalam kehidupan seharian, semua kategori di atas mempunyai tugas dan tanggungjawab memastikan program-program Universiti berjalan dengan lancar dan sesuai dengan dasar-dasar yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti serta kerajaan.

KOD ETIKA UNIVERSITI MALAYA

2

MAKNA KOD ETIKA

2.1 DEFINISI AM

- (1) Etika adalah prinsip-prinsip perilaku yang baik sebagai lawan perilaku yang buruk. Prinsip-prinsip ini dikenal juga sebagai prinsip akhlak yang didasarkan pada sistem nilai yang diterima dalam sesuatu peradaban.
- (2) Dalam kehidupan Universiti, etika dikenal pasti sebagai perilaku yang baik yang patut diikuti berdasarkan sistem nilai Universiti berkenaan, yang menolak perilaku yang buruk dalam menjalani kehidupan dan kerjaya sebagai guru, penyelidik, pentadbir, pelajar dan penyebar ilmu pengetahuan.

2.2. KOD ETIKA

Apabila peraturan perilaku disenaraikan dengan mensyaratkan butir-butir perilaku yang baik dan patut, dan menolak perilaku yang buruk dan tidak patut, maka wujudlah panduan yang dinamakan Kod Etika.

2.3 KOD ETIKA UNIVERSITI MALAYA

- (1) Kod Etika Universiti Malaya meliputi semua jenis perilaku. Untuk memudahkan panduan kakitangan dan pelajar, Kod Etika ini dibahagikan kepada tiga jenis utama, iaitu:
 - (a) Kod Etika Am.
 - (b) Kod Etika Akademik dan Profesional.
 - (c) Kod Etika Pengurusan dan Pentadbiran.

Kod Etika Am merupakan asas bagi semua perilaku, dan dengan itu juga merupakan asas Kod Etika Akademik dan Profesional serta Kod Etika Pengurusan dan Pentadbiran.

KOD ETIKA UNIVERSITI MALAYA

2.4 SISTEM NILAI

- (1) Sistem nilai merupakan satu sistem yang terdiri daripada nilai-nilai atau sifat-sifat murni yang dikehendaki oleh masyarakat umum dan akademik supaya diamalkan oleh ahli-ahlinya. Nilai-nilai itu tidak berubah dan diturunkan dari generasi ke generasi.
- (2) Sebagai staf dan pelajar Universiti, nilai yang mesti ada pada seseorang itu adalah:
 - (a) Berkata benar, yakni tidak berdusta, memperdaya atau menipu dalam apa jua cara.
 - (b) Ikhlas, yakni menjalankan tugas dengan tulus dan jujur, tanpa meletakkan kepentingan diri di atas segala-galanya.
 - (c) Amanah, yakni sentiasa ingat tanggungjawab yang diserahkan kepada diri sendiri oleh pihak lain yang menaruh harapan.
- (3) Dari tiga nilai utama itu, maka akan lahir perilaku dan sikap yang terpuji seperti:
 - (a) Hormat menghormati, yakni:
 - (i) Tidak memfitnah.
 - (ii) Tidak menjatuhkan maruah atau air muka orang lain.
 - (iii) Tidak menipu.
 - (iv) Tidak mengambil kesempatan atas kelemahan orang lain.
 - (v) Tidak dengan sengaja menjatuhkan orang lain dengan tujuan mengangkat diri sendiri.
 - (b) Taat setia, yakni:
 - (i) Sentiasa menjaga dan menaikkan nama Universiti melalui usaha dan tingkah laku yang baik.
 - (ii) Sentiasa berusaha untuk kebaikan Universiti.

KOD ETIKA UNIVERSITI MALAYA

(c) Ikhsan, yakni:

- (i) Mempunyai rasa empati terhadap orang lain yang mengalami kesukaran.
- (ii) Bersedia bertindak dalam mengurangkan kesukaran yang dihadapi oleh orang lain, misalnya sesama staf dan pelajar.

(d) Adil, yakni dalam membuat sesuatu keputusan, hendaklah:

- (i) Membuat pertimbangan yang penuh teliti.
- (ii) Menguatkuasakan peraturan yang sama pada semua pihak dalam konteks yang relevan.
- (iii) Tidak membezakan staf dan pelajar dari segi suku kaum, agama, warna kulit, gender, ideologi politik, kewarganegaraan, keupayaan, rupa paras, bentuk badan.
- (iv) Tidak bersikap berat sebelah.
- (v) Tidak dipengaruhi oleh kepentingan diri atau kepentingan orang atau kumpulan tertentu.

(e) Jujur, yakni hendaklah bersikap:

- (i) Jelas dari segi objektif menjalankan sesuatu projek.
- (ii) Tidak menyimpang dari objektif yang ditetapkan, kecuali dalam keadaan yang betul-betul memerlukan perubahan objektif.
- (iii) Tidak berdusta atau menipu dalam menjalankan sesuatu usaha.
- (iv) Telus dalam membuat tuntutan perbelanjaan.
- (v) Memberi gambaran atau laporan yang sebenarnya bagi sesuatu projek yang dijalankan.
- (vi) Tidak memanipulasi fakta, seperti meminda minit mesyuarat, mengubahsuai baucer dan resit, memalsukan resit, dan sebagainya.

KOD ETIKA UNIVERSITI MALAYA

2.5 KESOPANAN ASAS

Setiap orang yang berada mempunyai kesopanan asas, iaitu sikap penuh adab dan tertib dalam hubungan sesama manusia, seperti pegawai atasan dan bawahan, rakan sejawat, pelajar dan pelanggan.

Kesopanan asas memerlukan sikap hormat menghormati melalui:

- (1) Tutur kata dan perbuatan yang sopan dalam apa juga cara berkomunikasi.
- (2) Suasana mesra dalam pergaulan.
- (3) Penampilan diri yang rapi dan terhormat dari segi pakaian dan kebersihan diri.

2.6 INTEGRITI

Gabungan nilai-nilai murni yang disebut di atas itu mewujudkan sifat yang unggul dalam diri seseorang, iaitu integriti. Seseorang itu tidak ada integriti jika dia tidak berkata benar, tidak berpegang pada amanah, dan tidak ikhlas.

2.7 KERAHSIAAN

Kerahsiaan dalam konteks yang relevan merupakan unsur etika, kerana kerahsiaan berteraskan amanah. Apabila seseorang memberi amanah rahsia kepada seseorang yang lain, maka orang yang menerima amanah berkenaan mestilah menepati amanah itu, dan tidak boleh mengkhianatinya.

2.7.1 Kerahsiaan Akademik

Universiti memberi amanah kerahsiaan kepada staf akademik dan staf Pengurusan dan Profesional dan staf sokongan dalam hal-hal akademik, penyelidikan dan pentadbiran, seperti dalam hal-ehwal peperiksaan, penilaian atau rujukan peribadi, urusan naik pangkat, serta urusan pemilihan dan perlantikan staf. Pembocoran maklumat yang dirahsiakan bermakna amanah sudah dikhianati.

KOD ETIKA UNIVERSITI MALAYA

2.7.2 Kerahsiaan Doktor dan Pesakit

Doktor diamanahkan dengan rahsia pesakit yang bersifat fizikal dan mental, yang bersifat peribadi dan sensitif. Adalah menjadi kewajipan doktor menyimpan amanah itu supaya pesakit tidak terjejas dari segi perasaan dan jatuh air muka, berdasarkan kod amalan perubatan dari Majlis Perubatan Malaysia dan Declaration of Geneva (1948).

2.7.3 Kerahsiaan Peguam dan Klien

Peguam diamanahkan dengan rahsia klien yang memintakhidmatnya. Adalah menjadi kewajipan peguam tidak memecah amanah kliennya.

2.7.4 Kerahsiaan bagi profesion dan bidang lain boleh dirujuk kepada kod etika bidang masing-masing.

KOD ETIKA UNIVERSITI MALAYA

3

KOD ETIKA AKADEMIK DAN PROFESIONAL

Dalam bab ini, dipaparkan Kod Etika Akademik dan Profesional berdasarkan lima bidang yang sudah diuraikan dalam Bab 1, iaitu Pengajaran, Penyelidikan, Penerbitan, Persidangan dan Perundingan. Kod ini didasarkan pada tiga unsur etika yang utama serta sistem nilai yang diberi dalam Bab 2. Juga dimasukkan kod etika dalam memegang biasiswa dan menjalani cuti belajar.

3.1 PENGAJARAN

- (1) Pengajaran merupakan proses dua pihak, iaitu pihak guru dan pihak pelajar. Tiap-tiap pihak hendaklah berpegang pada kod etika yang dituntut darinya.
- (2) Pelajar mendaftar untuk satu-satu program ijazah dasar, pasca-ijazah, diploma atau sijil dengan tujuan memperoleh ilmu pengetahuan serta mempertingkatkan keintelektualan mereka dan mempelajari kemahiran-kemahiran yang boleh membantu mereka dalam mencari pekerjaan untuk menyara hidup diri sendiri dan keluarga. Dengan itu pelajar serta keluarga menaruh amanah pada para guru di Universiti supaya cita-cita murni mereka dapat ditunaikan.
- (3) Kerajaan, Universiti serta pihak yang membantu pelajar dari segi pemberian dana yang berupa biasiswa atau juga pinjaman menaruh amanah pada para guru Universiti supaya memberi khidmat dalam mendidik pelajar sehingga tamat program pengajian dengan berjaya di samping menjadi rakyat yang baik dan bertanggungjawab.

3.1.1 Kod Etika Bagi Pihak Guru

Guru hendaklah:

- (1) Sentiasa ingat amanah yang menjadi tanggungjawabnya.
- (2) Tulus ikhlas dalam menyampaikan ilmu kepada pelajar.
- (3) Mempunyai niat suci dalam membina anak didik, bukan untuk tujuan keuntungan peribadi.

KOD ETIKA UNIVERSITI MALAYA

- (4) Mengajar dengan kaedah yang jelas yang boleh difahami oleh pelajar, bukan secara sambil lewa.
- (5) Memperbaiki diri sendiri dari segi ilmu pengetahuan supaya ajaran tetap kemas kini dari segi bahan, teori dan kaedah, bukan menggunakan bahan yang sudah lapuk dek zaman.
- (6) Sentiasa bersedia berkongsi maklumat dan pengetahuan dengan rakan sejawat dan pelajar sama ada maklumat dan pengetahuan itu diperoleh atas usaha sendiri ataupun dengan usaha bersama.
- (7) Menghormati pendapat dan idea pelajar dalam perbincangan dan tidak menyentuh perkara-perkara sensitif dari segi perkauman dan sistem kepercayaan keagamaan.
- (8) Mengajar semua butir-butir yang dirancangkan dalam proforma kursus bagi satu-satu semester.
- (9) Mewajibkan rujukan dan bahan bacaan yang boleh didapati di perpustakaan, internet atau sumber-sumber yang nyata, bukan yang sukar diperolehi.
- (10) Mematuhi jam pengajaran yang dijadualkan, dan menggunakan masa pengajaran dengan sepenuhnya, tanpa kelewatian, penamatkan awal atau pemendekan masa pengajaran, atau meminda jadual sesuka hati.
- (11) Menjalankan tugas pengajaran dan pemeriksaan (skrip peperiksaan, tesis) yang dipertanggungjawabkan dengan jujur tanpa mengagihkan tugas ini kepada orang lain seperti pelajar, tutor dan pegawai lain.
- (12) Melaksanakan tugas penilaian berterusan secara teratur, adil dan berdasarkan cara penilaian atau skema yang boleh diukur, tanpa pilih kasih.
- (13) Melakarkan soalan peperiksaan berdasarkan pro-forma kursus yang sudah disediakan pada awal sesi Universiti, bukan butir-butir yang dimasukkan kemudian atau yang tidak dibincangkan dalam sesi pengajaran.
- (14) Melaksanakan tanggungjawab memeriksa skrip peperiksaan dan penilaian tugas (tesis, bab tesis, esei, laporan projek) dalam jangka masa yang ditetapkan, bukan sengaja dilambat-lambatkan.

KOD ETIKA UNIVERSITI MALAYA

- (15) Mematuhi masa temu janji yang disetujui dengan pelajar untuk penyeliaan, tunjuk ajar, khidmat nasihat dan sebagainya, bukan mengubah masa pada saat terakhir tanpa alasan yang munasabah.
- (16) Melaksanakan tugas penyeliaan dengan penuh dedikasi dan tidak lepas tangan, dan mengambil pelajar seliaan sekadar yang mampu berdasarkan bidang kepakaran, supaya penyeliaan boleh dijalankan dengan rapi dan cemerlang.
- (17) Menghindari amalan menggunakan pelajar yang diselia untuk menjalankan penyelidikan dan kerja peribadi sedangkan pelajar harus menjalankan penyelidikan untuk tesisnya.
- (18) Menghindari aktiviti atau perlakuan tidak bermoral yang boleh menjelaskan nama Universiti.
- (19) Tidak terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti yang bertentangan dengan undang-undang yang terpakai oleh Universiti.

3.1.2 Kod Etika Bagi Pihak Pelajar

Pelajar hendaklah:

- (1) Sentiasa berusaha menyempurnakan program pengajian berdasarkan peraturan yang ditetapkan.
- (2) Patuh mengikuti jadual kuliah, tutorial, seminar, sesi perbincangan dan apa juga jenis aktiviti pengajaran dan pembelajaran, kecuali ada sebab seperti mendapat kemalangan, sakit, ditimpa malapetaka seperti kebakaran, tanah runtuh, dan sebagainya.
- (3) Sentiasa melengkapkan diri supaya dapat mengikuti cara pengajaran dan pembelajaran terkini, termasuk program *online* dan multimedia yang lain.
- (4) Taat dalam menjalankan arahan guru dari segi menyempurnakan tugas atau mempersiapkan diri untuk ujian dan peperiksaan.
- (5) Tidak berdusta atau menipu termasuk memplagiat dalam apa juga tugas yang dikerjakan.

KOD ETIKA UNIVERSITI MALAYA

- (6) Berkongsi bahan rujukan sesama pelajar, dan tidak menyembunyikan/merahsiakan rujukan-rujukan yang diperolehi di perpustakaan untuk kepentingan diri sendiri.
- (7) Menghindari aktiviti atau perlakuan tidak bermoral yang boleh menjelaskan nama Universiti.
- (8) Tidak terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti yang bertentangan dengan undang-undang yang terpakai oleh Universiti.

3.1.3 Integriti dalam hubungan antara guru dan pelajar

Kedua-dua pihak, guru dan pelajar, hendaklah berperilaku dengan penuh integriti dalam hubungan satu sama lain. Masing-masing pihak hendaklah memastikan tidak ada pengaruh yang tidak diingini dari pihak yang satu lagi agar tidak timbul perbuatan yang boleh ditafsirkan sebagai tidak jujur dan tidak amanah, bahkan menghampiri rasuah. Dalam usaha menghindari keadaan yang tidak diingini ini, maka peraturan-peraturan kod etika berikut hendaklah dipatuhi:

- (1) Pelajar tidak memberi sebarang hadiah (dalam bentuk benda atau wang) kepada guru dengan tujuan mempengaruhi penilaian guru terhadap hasil kerjanya.
- (2) Pelajar tidak mengadakan majlis meraikan guru, seperti majlis hari jadi dsbnya, ketika masih menjadi mahasiswa Universiti Malaya.
- (3) Guru tidak menerima sebarang hadiah atau mengumpam supaya diberi hadiah oleh pelajar untuk tujuan apa pun juga selagi pelajar masih berdaftar sebagai mahasiswa Universiti Malaya.
- (4) Guru tidak menggunakan pelajar untuk menjalankan kerja-kerja di luar program akademik sebagai bantuan tenaga kerja baginya.
- (5) Guru tidak mempengaruhi pelajar untuk memberikan markah penilaian yang tinggi bagi dirinya.
- (6) Guru dan pelajar hendaklah menghindari hubungan yang melampui batas-batas akhlak.

KOD ETIKA UNIVERSITI MALAYA

3.2 PENYELIDIKAN

Staf hendaklah:

- (1) Jujur dan ikhlas dari segi objektif dan perancangan penyelidikan.
- (2) Jujur dalam mengumpul data, yakni data tidak dimanipulasi atau direka-reka.
- (3) Jujur dalam merancang perbelanjaan penyelidikan.
- (4) Jujur dalam menggunakan peruntukan penyelidikan, yakni tidak menggunakanya untuk tujuan-tujuan lain, misalnya untuk percutian atau membeli barang-barang yang tiada kena mengena dengan penyelidikan.
- (5) Jujur dalam mengemukakan kepada Universiti dana-dana yang diterima jika terdapat lebih daripada satu dana.
- (6) Jujur dalam mematuhi terma perjanjian bersabit dengan peruntukan yang diberi oleh penyumbang dana tertentu.
- (7) Mematuhi Kod Etika Khas berhubung dengan profesion tertentu, seperti pendidikan, perubatan, kejuruteraan, dan lain-lain yang meliputi kerahsiaan serta keselamatan di tempat kerja.
- (8) Bersikap penuh hormat kepada informan atau subjek kajian, atau juga kepada penjaga subjek (jika subjek kanak-kanak) dengan juga memberitahu secara terus terang tujuan kajian dan prosesnya.
- (9) Memastikan projek yang dijalankan tidak serupa atau hampir serupa dengan projek yang sedang dijalankan oleh rakan sejawat yang lain, kerana perbuatan ini dilihat sebagai mengkhianati rakan berkenaan.
- (10) Menjadikan projek yang menggunakan dana Universiti atau dana yang diberi melalui Universiti sebagai projek Universiti dan bukan sebagai projek peribadi.
- (11) Menyerahkan alatan yang dibeli untuk sesuatu projek dari dana Universiti atau yang dananya diberi melalui Universiti kepada PTj yang relevan selepas selesaiya projek dan tidak menjadikannya sebagai harta peribadi.
- (12) Tidak menjual atau mengkomersilkan hasil, manuskrip atau produk penyelidikan tanpa kebenaran Universiti.

KOD ETIKA UNIVERSITI MALAYA

- (13) Tidak menggunakan pembantu penyelidik yang diupah bagi sesuatu projek penyelidikan tertentu untuk menjalankan projek yang lain.
- (14) Tidak menggunakan penyelidikan lapangan sebagai percutian.
- (15) Mematuhi peraturan-peraturan yang berkaitan aktiviti penyelidikan yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa.

3.3 PENERBITAN

Dalam penerbitan, penulis hendaklah:

- (1) Berkata benar dari segi bahan yang ditulis, tidak direka-reka atau dimanipulasi dari segi data dan dapatan.
- (2) Menulis menurut etika penulisan akademik dengan menyatakan metodologi penyelidikan, memaparkan teori dan kaedah menganalisis data.
- (3) Membuat rujukan dan memberi penghargaan yang sewajarnya kepada penerbitan dan hasil penyelidikan terdahulu, dan kepada mereka yang telah memberi apa juga sumbangan ke arah menjayakan penyelidikan.
- (4) Menghindari penjiplakan (*plagiarism*).
- (5) Menghindari sikap membesar-besarkan diri yang tidak pada tempatnya.
- (6) Menghormati kerahsiaan orang yang memberi maklumat, seperti halnya dalam penyelidikan, dengan tidak mendedahkan nama individu atau institusi yang terlibat, jika di minta oleh mereka.

3.3.1 Penjiplakan

Penjiplakan merupakan penipuan akademik yang berpunca dari sikap berdusta, tidak ikhlas, tidak amanah, tidak jujur dan tidak menghormati sesama rakan kesepakaran. Penjiplakan berlaku apabila idea orang lain diambil tanpa menyebut sumbernya, dan dengan itu memberi kesan bahawa idea itu idea sendiri. Keadaan ini boleh berlaku apabila:

- (1) Idea seseorang diambil kata demi kata dari artikel atau buku yang sudah diterbitkan.

KOD ETIKA UNIVERSITI MALAYA

- (2) Idea seseorang dari artikel atau buku diambil dengan menggunakan kata-kata sendiri.
- (3) Idea seseorang diambil dari perbincangan sama ada dalam persidangan, seminar, forum, ceramah atau perbincangan tak formal antara dua pihak.
- (4) Data, diagram, jadual, gambar foto atau apa juga bahan ilustrasi yang berasal dari orang lain diambil seolah-olah kepunyaan diri sendiri.

3.4 PERSIDANGAN

Dalam menjalankan aktiviti ini staf hendaklah:

- (1) Jujur dalam permohonan dan objektif menghadiri persidangan.
- (2) Jujur dalam menyediakan bajet dan membuat tuntutan menghadiri persidangan.
- (3) Mengemukakan bukti bahawa abstrak dan kertas kerja diterima untuk dibentangkan dalam persidangan.
- (4) Mendapat izin pihak Universiti dan kerajaan sebelum bertolak seandainya persidangan diadakan di luar negara.
- (5) Menuju ke destinasi persidangan yang dinyatakan, bukan menuju ke tempat lain.
- (6) Membentangkan kertas kerja seperti yang dijadualkan, dan tidak menarik diri tanpa sebab yang boleh diterima.
- (7) Menghadiri persidangan sepenuh masa, bukan setakat satu dua sesi sahaja.
- (8) Menjaga nama baik diri sendiri, Universiti dan negara ketika berada di luar negara.
- (9) Memastikan kertas kerja dibentangkan dalam persidangan-persidangan yang berwibawa dari segi akademik.
- (10) Berkongsi ilmu yang diperolehi daripada persidangan dengan rakan sejawat dan pelajar melalui perbincangan, pembentangan dalam seminar serta menyediakan laporan dan sebagainya.

3.5 PERUNDINGAN

Dalam perundingan, staf hendaklah:

- (1) Mendapat izin Universiti dan mematuhi peraturan-peraturan

KOD ETIKA UNIVERSITI MALAYA

- perundingan yang ditetapkan, sebelum menjalankan kerja perundingan.
- (2) Memastikan kerja perundingan tidak mengganggu tugas-tugas lain di Universiti.
 - (3) Memaklumkan kepada Universiti pendapatan yang diperolehi dari kerja perundingan, dan menyerahkan kepada budi bicara Universiti untuk mengambil atau tidak sebahagian dari pendapatan itu.
 - (4) Berusaha mendapatkan kerja perundingan berdasarkan kepakaran sendiri atau kepakaran bersama rakan sejawat.

3.6 BIASISWA DAN CUTI BELAJAR

- (1) Jujur dalam permohonan biasiswa dan objektif cuti belajar.
- (2) Menjaga amanah yang diberi oleh Universiti dan kerajaan.
- (3) Patuh kepada perjanjian yang ditandatangani.
- (4) Menggunakan cuti belajar sebaik-baiknya, dan tidak membuang masa dengan berlengah-lengah dan berfoya-foya.
- (5) Menjalani kehidupan sebagai pelajar dengan wang saraan dari biasiswa, dan tidak bekerja sambilan atau bermiaga semasa cuti belajar tanpa kebenaran pihak Universiti.
- (6) Tidak menggunakan wang biasiswa untuk kemewahan hidup atau hiburan yang menjaskankan integriti.

KOD ETIKA UNIVERSITI MALAYA

4

KOD ETIKA PENGURUSAN dan PENTADBIRAN

Dalam pengurusan dan pentadbiran Universiti, hierarki pangkat adalah sangat nyata. Pangkat-pangkat didefinisikan oleh jenis tugas yang menjadi tanggungjawab orang yang mengisi pangkat berkenaan, dari jawatan tertinggi Naib Canselor hingga kepada pekerja am. Dengan itu, Kod Etika Pengurusan dan Pentadbiran ini melibatkan semua warga Universiti Malaya, iaitu staf dari berbagai-bagai kategori dan juga pelajar.

4.1 PENGURUSAN TERTINGGI

Pihak pengurusan tertinggi hendaklah berlaku adil dalam semua urusan yang melibatkan staf Universiti dalam hal kesejahteraan, kedudukan, serta peluang memperbaiki diri dan kenaikan pangkat.

4.2 PENGURUSAN dan PENTADBIRAN

- (1) Yang dimaksudkan dengan bidang Pengurusan dan Pentadbiran adalah bidang-bidang yang tidak diliputi oleh bidang Akademik dan Profesional (Bab 3). Dalam bidang pengurusan dan pentadbiran, asas berperilaku dengan baik dan patut itu diberi dalam Kod Etika Am (Bab 2), dan disesuaikan dengan konteks pengurusan dan pentadbiran. Dengan itu setiap orang yang terlibat harus mempunyai sikap hormat menghormati, adil, ikhsan, jujur dan sebagainya. (Lihat Bab 2).
- (2) Kerja pengurusan dan pentadbiran hendaklah dilaksanakan dengan bersih dan amanah dengan cara:
 - (a) Menghindari perbuatan yang tidak bermoral dari segi perilaku.
 - (b) Menjaga supaya tidak berlaku sebarang perbuatan rasuah dalam bentuk apa pun juga, yakni dengan menghindari perbuatan meminta atau menerima

KOD ETIKA UNIVERSITI MALAYA

pemberian/sumbangan dari pihak yang mendapat kontrak Universiti atau mempunyai kepentingan perniagaan yang lain untuk tujuan menjalankan sesuatu majlis PTj.

- (c) Tidak mengambil manfaat dari harta Universiti untuk kepentingan peribadi.

4.3 HUBUNGAN ANTARA PANGKAT

Staf hendaklah:

- (1) Menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing.
- (2) Menghormati dan memahami tanggungjawab rakan-rakan lain, sama ada yang lebih tinggi atau lebih rendah pangkatnya daripada diri sendiri, atau yang sama taraf dengan diri sendiri.
- (3) Mematuhi arahan Ketua atau Penyelia dalam usaha mentadbir PTj atau menjalankan kerja-kerja di bawah kelolaan PTj.
- (4) Menjaga hubungan yang baik antara satu sama lain dengan bersopan santun melalui perbuatan dan bahasa, sama ada dalam mesyuarat mahupun dalam surat menyurat (surat dan memo).
- (5) Menjalankan pentadbiran menurut peraturan yang sedia ada, misalnya membuat permohonan atau berhubung dengan pihak luar melalui Ketua.
- (6) Menyelesaikan masalah dalaman dengan saksama dan bijaksana tanpa melibatkan orang luar.
- (7) Mematuhi jam kerja dan menggunakan jangka masa itu dengan sepenuhnya untuk tugas-tugas rasmi.
- (8) Menjaga kerahsiaan pada peringkat jabatan dan Universiti.
- (9) Mengharumkan nama Universiti dalam semua urusan dalaman dan dalam hubungan dengan pihak luar.
- (10) Mematuhi undang-undang Universiti dan juga undang-undang negara.
- (11) Menghindari perbuatan mencari nafkah sambilan dengan cara berniaga kecil-kecilan ketika di tempat kerja.
- (12) Menghindari tabiat menjalankan kerja luar untuk pihak lain pada hari kerja, tanpa mendapat izin Universiti.
- (13) Menghindari aktiviti atau perlakuan tidak bermoral yang boleh menjejaskan nama Universiti.

KOD ETIKA UNIVERSITI MALAYA

- (14) Menghindari perbuatan mempunyai hubungan sesama rakan sekerja yang melampui batas-batas akhlak.
- (15) Tidak menghampiri rasuah dalam apa juga perbuatan.
- (16) Tidak menggunakan barang-barang yang dicuri atau diperoleh secara haram untuk keperluan Universiti, seperti mendapat perisian komputer secara haram.
- (17) Tidak terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti yang bertentangan dengan Peraturan Universiti.

4.4 TANGGUNGJAWAB MENJAGA TEMPAT KERJA dan TEMPAT KEGIATAN UNIVERSITI

Tempat kerja merupakan pejabat, dewan kuliah, bilik seminar, bilik persidangan, makmal (makmal sains, makmal bahasa, makmal komputer), bilik audio-visual, hospital dan sebagainya. Tempat kegiatan adalah surau, lapangan sukan, bilik riadah, bilik pameran, muzium, kebun, taman, bilik rehat, medan kereta, tandas dan sebagainya. Adalah menjadi tanggungjawab warga kampus:

- (1) Memastikan keselamatan dan kebersihan tempat-tempat berkenaan.
- (2) Memastikan semua alatan dan kemudahan di dalam tempat-tempat berkenaan berada dalam keadaan baik.
- (3) Menjaga supaya tempat-tempat itu digunakan dengan tujuan sebenarnya.
- (4) Tidak menjadikan pejabat am sebagai tempat menjamu selera dalam masa kerja (misalnya untuk bersarapan) atau berjual beli.
- (5) Tidak menjadikan surau sebagai bilik persinggahan atau tempat tinggal.
- (6) Tidak menjadikan makmal atau bilik-bilik lain sebagai tempat menjalankan kegiatan yang di luar kegiatan rasmi yang diperuntukkan kepada tempat berkenaan, seperti berjudi, menayang dan menonton video lucu, bermain permainan digital, dan sebagainya.
- (7) Tidak menjadikan bilik pejabat peribadi sebagai rumah tumpangan atau bilik hotel untuk diri sendiri atau ahli keluarga atau pelajar.

KOD ETIKA UNIVERSITI MALAYA

4.5 TANGGUNGJAWAB MENJAGA HARTA UNIVERSITI

Selain daripada bangunan dengan tempat-tempat kerja dan kegiatan, Universiti mempunyai harta benda yang terdiri daripada alat pejabat, perkakas makmal, alat sukan, buku dan jurnal di perpustakaan, dan sebagainya. Aset Universiti akan mengalir keluar jika berlaku kecurian, kerosakan dan pembaziran. Oleh itu warga kampus hendaklah:

- (1) Menggunakan alat dan perkakas serta infrastruktur Universiti dengan bijak, baik dan prihatin.
- (2) Memastikan buku, jurnal dan apa juga bahan rakaman yang dipinjam berada dalam keadaan baik, dan tidak menyebabkan kerosakan atau kehilangan berlaku.
- (3) Mengembalikan barang atau alat (seperti komputer riba, kamera dan lain-lain), buku, jurnal atau apa juga bahan rakaman yang dipinjam sebelum atau tepat pada masanya.
- (4) Mengawal dan menjimatkan penggunaan utiliti seperti elektrik, komputer, telefon dan air.
- (5) Menggunakan telefon pejabat, mesin fotokopi, komputer, alat pencetak dan sebagainya untuk tujuan rasmi sahaja.
- (6) Menggunakan alat tulis yang dibekalkan oleh Universiti dengan berhemah dan untuk tujuan rasmi sahaja.
- (7) Memastikan tiada pencerobohan dan penyelewengan ke atas harta benda Universiti oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.
- (8) Memastikan harta Universiti sentiasa dalam keadaan baik dengan penyelenggaraan yang berpatutan dan berterusan.

KOD ETIKA UNIVERSITI MALAYA

5

TANGGUNGJAWAB STAF DAN PELAJAR DALAM MEMATUHI KOD ETIKA UNIVERSITI MALAYA

Sudah pastinya apabila suatu peraturan, dasar atau kod etika digubal atau dirangka oleh pengurusan sesebuah organisasi, ianya adalah bertujuan untuk menjadi garis panduan yang wajar diikuti oleh semua warga organisasi tersebut. Tidak dapat dinafikan bahawa suatu kod etika itu akan hanya menjadi salah satu koleksi bacaan organisasi tanpa pelaksanaan sepenuhnya oleh warganya jika tiada penguatkuasaan. Justeru itu, pihak Pentadbiran Universiti Malaya amat memandang serius perilaku yang bertentangan dengan peruntukan yang terkandung di dalam Kod Etika ini. Mana-mana staf atau pelajar yang didapati bertindak secara berlawanan dengan peruntukan Kod Etika ini dianggap telah berkelakuan secara tidak beretika dan melanggar peraturan perilaku yang dikehendaki oleh Universiti. Perlanggaran ini boleh menyebabkan staf atau pelajar tersebut disifatkan sebagai telah gagal mematuhi arahan atau kehendak Universiti dan dengan itu boleh dilaporkan untuk tindakan yang lebih tegas berdasarkan undang-undang yang terpakai di Universiti Malaya.

Bagi memastikan staf dan pelajar Universiti tidak melakukan sesuatu perbuatan yang melanggar kod etika Universiti Malaya, maka adalah wajar bagi setiap staf dan pelajar memahami, menghayati dan seterusnya mengamalkan nilai-nilai atau perilaku yang baik yang terkandung di dalam Kod Etika ini. Penghayatan sepenuhnya nilai-nilai dan perilaku yang terkandung di dalam Kod Etika ini bukan sahaja boleh menghindarkan seseorang kakitangan atau pelajar daripada terlibat dalam perilaku yang bertentangan dengan undang-undang yang digunakan oleh Universiti Malaya, malah boleh mempertingkatkan martabat mereka dan seterusnya menyumbang kepada penjagaan nama baik dan imej Universiti.

Dalam hal yang menyentuh tatakelakuan dan tataterib staf Universiti Malaya, ianya dikawal melalui peruntukan yang terkandung di dalam Akta Badan-Badan Berkanun (Tataterib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]. Antara lain Akta 605 memperuntukkan bahawa seseorang staf Universiti hendaklah sentiasa menunjukkan taat setianya kepada Yang Dipertuan Agong, Kerajaan dan Universiti serta sentiasa mempunyai sikap

KOD ETIKA UNIVERSITI MALAYA

bertanggungjawab, amanah, jujur, cekap, sentiasa berusaha, tidak cuai dan tidak ingkar perintah di dalam pelaksanaan tugas-tugasnya. Akta 605 juga memperuntukkan bahawa mana-mana staf yang didapati melanggar tatakelakuan yang ditetapkan oleh Akta tersebut boleh dikenakan tindakan tatatertib yang boleh membawa kepada hukuman amaran, denda, lucut hak emolument, tangguh pergerakan gaji, turun gaji, turun pangkat, atau buang kerja.

Bagi pelajar pula, tatakelakuan dan tindakan tatatertib ke atas mereka adalah dikawal melalui peruntukan yang terkandung di dalam Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999. Secara amnya, seseorang pelajar tidak boleh berkelakuan sama ada di dalam kampus atau di luar kampus, dengan apa-apa cara yang boleh merosakkan atau memudaratkannya seperti keselamatan, kesejahteraan, integriti akademik atau nama baik Universiti, mana-mana pelajar lain, pegawai atau pekerja Universiti; atau berkelakuan secara yang boleh merosakkan atau memudaratkannya seperti ketenteraman, kesejahteraan, keselamatan, akhlak atau kesopanan awam. Mana-mana pelajar yang didapati melanggar tatakelakuan yang ditetapkan di bawah kaedah-kaedah tatatertib tersebut boleh dikenakan tindakan tatatertib yang boleh membawa kepada hukuman amaran, denda, dilarang daripada berada di mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian tertentu di dalam kampus bagi tempoh yang ditetapkan, digantung daripada menjadi pelajar Universiti bagi tempoh yang ditetapkan atau dibuang daripada Universiti. Justeru itu pemahaman, penghayatan dan pematuhan sepenuhnya ke atas nilai dan perilaku yang terkandung di dalam Kod Etika ini boleh mencegah para pelajar daripada melakukan perbuatan yang bertentangan dengan peruntukan kaedah-kaedah tatatertib tersebut.

Ketua-ketua jabatan adalah bertanggungjawab memaklumkan kepada semua staf dan pelajar di bawah seliaannya mengenai kewujudan Kod Etika ini. Ketua-ketua jabatan juga bertanggungjawab menegaskan kepada staf dan pelajar di bawah seliaannya mengenai kewajipan untuk memahami, menghayati dan seterusnya mengamalkan nilai-nilai atau perilaku yang terkandung di dalam Kod Etika ini. Ketua-ketua jabatan juga mempunyai tanggungjawab untuk mengambil tindakan ke atas mana-mana staf atau pelajar yang didapati telah bertindak secara yang bertentangan dengan etika yang dinyatakan di dalam Kod Etika ini termasuk melaporkan kepada pihak Pentadbiran Universiti atau Jawatankuasa Tatatertib Universiti Malaya yang berkenaan dengan kakitangan atau pelajar, untuk tindakan mereka.

UNIVERSITY OF MALAYA CODE OF ETHICS

CONTENTS

	Page
Acknowledgement	26
Message from the Vice-Chancellor	27
Chapter 1 Introduction	29
1.1. Academic and Professional Activities	29
1.2. Management and Administration	31
1.3. Who is this Code of Ethics for?	32
Chapter 2 The Meaning of Code of Ethics	33
2.1 General Definition	33
2.2 Code of Ethics	33
2.3 University of Malaya Code of Ethics	33
2.4 Value system	34
2.5 Basic Politeness	35
2.6 Integrity	36
2.7 Confidentiality	36
Chapter 3 Code of Ethics in Academia and the Professions	38
3.1 Teaching	38
3.2 Research	42
3.3 Publication	43
3.4 Conference	44
3.5 Consultancy	44
3.6 Scholarship and Study Leave	45
Chapter 4 Code of Ethics in Management and Administration	46
4.1 Top-Level Management	46
4.2 Management and Administration	46
4.3 Ranks and Relationship	47
4.4 Responsibility in Maintaining Premises for Work and Activities	48
4.5 Responsibility in Caring for University Property	49
Chapter 5 University of Malaya Code of Ethics: Guidance for Staff and Students	50

UNIVERSITY OF MALAYA CODE OF ETHICS

ACKNOWLEDGEMENT

The University of Malaya wishes to thank the Committee members for their co-operation in drafting the University of Malaya Code of Ethics:

Emeritus Professor Dato' Dr. Asmah Haji Omar (Chairman)
Emeritus Professor Dato' Dr. Lam Sai Kit
Professor Dato' Dr. Patrick Tan Seow Koon
Professor Datin Dr. Azizan Baharudin
Professor Dr. Faisal Hj Ali
Professor Dr. Kurunathan Ratnavelu
Professor Madya Dr. Mohd Fauzi Hamat
Professor Madya Dr. Norani Mohd Salleh
